

Soal Jawab PM di Dewan Rakyat setiap Selasa

Pelaksanaan secara ujian rintis bermula 13 Februari ini

Kuala Lumpur: Sesi Soal Jawab Perdana Menteri (PMQ) di Dewan Rakyat akan dilaksanakan pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-15, yang bakal bermula 13 Februari ini.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul, berkata untuk permulaan, sesi itu akan dilaksanakan secara ujian rintis

pada setiap Selasa.

“Kita cadang sesi itu setiap Selasa untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjawab soalan yang ditujukan kepada beliau dan pada Khamis pula, sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT).

“Ini antara pembaharuan yang akan dilaksanakan, cuma ia belum boleh dimaktubkan sebagai sesi tetap. Kita mula sebagai ujian rintis dahulu untuk mengenal pasti apa masalah yang mungkin timbul susulan pelaksanaannya,” katanya.

Beliau berkata, sesi PMQ juga memerlukan pindaan pada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sebelum diwartakan sebagai sesi tetap si-



Johari ketika sesi soal jawab sempena Majlis Temu Mesra Bersama Pengamal Media 2023 di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

dang Dewan Rakyat.

Dalam usaha memastikan usul dibawa ahli Parlimen dapat dibincangkan, Johari berkata, sesi Kamar Khas juga ditambah baik dengan memperbanyakkan jumlah usul, iaitu daripada dua usul setiap sesi kepada empat.

Buka ruang

Johari turut berhasrat membuka ruang kepada ahli Parlimen pembangkang dan penyokong kerajaan untuk mengemudi sesi itu.

“Ini bermakna bukan saya dan dua Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat saja yang boleh me-

ngemudi sesi itu, tetapi peluang turut diberikan kepada ahli Parlimen lain,” katanya.

Seterusnya, Johari berkata, beliau juga bercadang mewajibkan semua ahli Parlimen untuk menjalani pemeriksaan kesihatan setiap enam bulan bagi memastikan status kesihatan mereka pada tahap optimum untuk melaksanakan tugas.

Mengenai liputan media pada persidangan Dewan Rakyat pula, beliau berkata, wakil agensi media dibenarkan berada di ruang lobi Parlimen bagi mendapatkan reaksi menteri atau ahli Parli-

men, bermula persidangan ini selepas ia tidak dibenarkan susulan penularan COVID-19 sebelum ini.

Persidangan Dewan Rakyat akan bermula 13 Februari ini, didahului dengan istiadat pembukaan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, sebelum sesi perbahasan titah diraja selama lima hari.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, dijadual membentangkan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat pada 24 Februari.

BERNAMA